

D.R. 21/92

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1984.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1992. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 1 Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1984 adalah dipinda— Pindaan seksyen 1. Akta A582.
 - (a) dengan memasukkan nombor subseksyen baru "(1)";
 - (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*" dengan perkataan-perkataan "disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 20hb Januari 1984"; dan
 - (c) dengan memasukkan, selepas subseksyen (1), subseksyen baru (2) dan (3) yang berikut:

"(2) Subseksyen (1) tidaklah mempunyai kuatkuasa untuk menjadikan boleh terpakai, berkenaan dengan peruntukan itu, apa-apa penalti bagi sesuatu kesalahan mulai dari

tarikh selain daripada tarikh yang berikutan sebaik sahaja tarikh tersiarnya Akta ini dalam *Warta*.

(3) Apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan atau apa-apa wang yang dipungut, dibelanjakan atau dilabur oleh Suruhanjaya sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini yang akan menjadi sah di sisi undang-undang jika peruntukan-peruntukan Akta ini telah berkuatkuasa pada masa ia dilakukan adalah dengan ini disahkan dan diisytiharkan sebagai telah dilakukan atau dipungut, dibelanjakan atau dilabur olehnya secara sah di sisi undang-undang."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan beberapa pindaan kepada Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1984 (kemudian daripada ini disebut "Akta ibu").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 1 Akta ibu dengan memasukkan peruntukan menyifat untuk membenarkan Akta tersebut untuk mula berkuatkuasa dari 20hb Januari 1984, iaitu, sehari selepas tersiarnya Akta ibu di dalam *Warta*.

Walau bagaimanapun penalti bagi kesalahan-kesalahan adalah dikecualikan daripada kuatkuasa kebelakangan itu.

Subseksyen baru (3) bertujuan mengesahkan tiap-tiap tindakan atau perkara yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1609/1.]